

**Dr M terima anugerah Habitat-Rafik Hariri PBB  
Malaysian Insider  
09 Julai, 2012**

KUALA LUMPUR, 9 Julai — Mantan perdana menteri (PM) Tun Dr Mahathir Mohamad dinamakan sebagai pemenang anugerah Habitat-Rafik Hariri Pertubuhan Bangsa Bangsa Bersatu (PBB) bagi tahun 2012, lapor akhbar harian The Sun.

Dr Mahathir dipilih mengalahkan 13 calon lain dari Dubai, Arab Saudi, Malaysia, Amerika Syarikat, Kanada, El Salvador, Nicaragua, India, Bangladesh, United Kingdom, Jepun dan Filipina oleh jawatankuasa pemandu anugerah tersebut 29 Jun lalu.

Dr Mahathir akan menerima anugerah tersebut dalam majlis penganugerahan di New York pada 28 September ini.

“Pendapatan per kapita di Malaysia meningkat sebanyak lapan kali.

“Cara pemikiran beliau adalah bagaimana untuk keluar dari masalah mirip kepada PM Rafik Hariri,” kata pengerusi juri antarabangsa, Mervat Tallawy tulis The Sun yang memetik daripada laman web Habitat PBB.

Kenyataan media juri antarabangsa bagi anugerah tersebut turut menyatakan semasa Dr Mahathir menjadi PM, pembangunan ekonomi berkembang dan Malaysia melalui proses modenisasi.

“Beliau (Dr Mahathir) adalah ahli politik yang dominan yang telah memimpin kemenangan partinya dalam lima pilihan raya dan terus aktif berpolitik selepas bersara,” lapor The Sun.

Anugerah Habitat - Rafik Hariri-PBB diwujudkan selari dengan penubuhan Yayasan Rafik Hariri dan Habitat PBB pada Mac 2009 bagi memperingati bekas PM Lubnan, Rafik Hariri.

Anugerah dibuka kepada individu, organisasi atau institusi seluruh dunia di atas pencapaian dalam arena, kepimpinan, negarawan, pentadbiran baik, pembangunan dan aktiviti untuk memerangi kemiskinan bandar.

Pemenang akan menerima wang tunai US\$200,000 (RM630,700), trofi dan sijil.

Sebelum ini, anugerah dimenangi oleh PM Turki, Recep Tayyip Erdogan, lapor The Sun lagi.

Hakcipta © 2012 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/dr-m-terima-anugerah-habitat-rafik-hariri-pbb/>